

muka depan

BAHAGIAN A [20 markah]

Soalan 1 hingga soalan 20

Arahan : Tiap-tiap soalan yang berikut diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu **A, B, C,** dan **D.** Pilih **satu** yang terbaik bagi tiap-tiap soalan.

1. Yang mana satukah **bukan** ciri-ciri kecemerlangan diri?
 - A Mempunyai minda yang sihat
 - B Mempunyai keperibadian unggul
 - C Sentiasa kreatif dan produktif
 - D Kurang yakin dengan imej diri
2. Apakah tujuan diadakan refleksi?
 - A Untuk mendapat pengajaran
 - B Untuk menyemai nilai-nilai murni
 - C Untuk menilai kekuatan dan kelemahan diri
 - D Untuk merancang sesuatu program yang dijalankan.
3. Berikut merupakan cara untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan, kecuali
 - A mengadakan sambutan untuk meraikan ahli keluarga.
 - B menziarahi ahli keluarga yang tinggal berjauhan.
 - C memberi hadiah berupa barangan yang mahal kepada ahli keluarga.
 - D berkunjung ke tempat-tempat yang menarik bersama keluarga.
4. Ziana disuruh ibunya untuk menjaga adiknya kerana ibunya sibuk di dapur. Apakah tindakan Ziana?
 - A Menolong ibunya menjaga adik
 - B Mendingkan diri di dalam bilik
 - C Menyuruh ibunya berhenti memasak
 - D Berpura-pura tidak mendengar suruhan ibunya.
5. Rossa tinggal sebilik dengan Cynthia. Cynthia beragama Kristian dan sering ke gereja pada hari Ahad. Rossa seharusnya
 - A menegur perbuatan rakannya
 - B melarang Cynthia pergi ke gereja
 - C mempersendakan agama anutan Cynthia.
 - D menghormati amalam keagamaan rakannya.
6. Mengapakah Gamelan Terengganu digelar sebagai tradisi istana?
 - A Kerana selalu dimainkan di istana
 - B Kerana pemainnya berasal daripada keturunan diraja
 - C Kerana gamelan itu dikhususkan untuk golongan diraja sahaja
 - D Kerana gamelan ini menjadi kegemaran golongan istana.
7. Agensi-agensi yang berikut memainkan peranan untuk menjaga kesejahteraan masyarakat, kecuali
 - A Majlis Amanah Raya (MARA)
 - B Lembaga Akreditasi Negara
 - C Jabatan Kebajikan Masyarakat
 - D Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
8. Mengapakah sikap saling menghormati antara negara perlu dipupuk?
 - A Untuk memonopoli kuasa ekonomi
 - B Untuk meluaskan kuasa jajahan
 - C Untuk menjamin kesejahteraan bersama
 - D Untuk mengurangkan pergantungan ekonomi

9. Apakah tugas kerajaan yang dipilih oleh rakyat?
- A Menjalankan tanggungjawab untuk menjaga kebajikan rakyat
 - B Memerintah mengikut corak pentadbiran sendiri
 - C Melaksanakan dasar yang bersesuaian dengan kepentingan sendiri
 - D Melantik wakil-wakil untuk memerintah pada peringkat pusat
10. Apakah bentuk sistem pilihan raya yang diamalkan di Malaysia ?
- A Berdasarkan bilangan parti
 - B Berasaskan kelebihan suara mudah
 - C Berlandaskan bilangan pengundi yang mendaftar
 - D Berasaskan majority undi yang diperoleh oleh calon
11. Berapa orang ahlikah yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong untuk menjadi ahli Dewan Negara?
- A 6 orang
 - B 12 orang
 - C 26 orang
 - D 44 orang
12. Antara berikut, tokoh manakah yang mengharumkan nama negara dalam bidang sukan?
- A Azhar Mansor
 - B Malik Maidin
 - C Nicol David
 - D M. Magendran
13. Berikut merupakan kejohanan sukan yang pernah dianjurkan oleh Malaysia, **kecuali**
- A Formula Satu
 - B Sukan Olimpik
 - C Sukan Komanwel
 - D Le Tour de Langkawi
14. Apakah matlamat Dasar Penswastaaan?
- A Untuk mengurangkan ketidakseimbangan ekonomi
 - B Untuk mengurangkan beban kewangan kerajaan
 - C Untuk menggiatkan pembangunan sektor pertanian
 - D Untuk melahirkan insane yang berilmu pengetahuan
15. Antara berikut yang manakah **bukan** peranan Majlis Raja-Raja?
- A Mentauliahkan bakal duta negara
 - B Melantik anggota mahkamah khas
 - C Mempertimbangkan perubahan sempadan negeri
 - D Memilih Yang di-Pertuan Agong dan timbalannya.
16. Berikut merupakan komponen yang termasuk dalam struktur pentadbiran negara, kecuali
- A badan eksekutif
 - B badan kehakiman
 - C badan persekutuan
 - D badan perundangan
17. Apakah faktor kestabilan dan kemajuan yang dikecapi oleh Malaysia?
- A Kepesatan ekonomi dunia
 - B Keberkesanan jentera pentadbiran negara
 - C Keseimbangan pembangunan di desa dan Bandar
 - D Kecemerlangan rakyat dalam pelbagai bidang

18. Taufan Katrina yang melanda Amerika Syarikat telah mengorbankan banyak nyawa dan memusnahkan harta benda. Apakah peranan Malaysia dalam menangani tragedi ini?
- A Mengambil dasar berkecuali
 - B Menghantar pasukan keamanan
 - C Menubuhkan jawatankuasa khas
 - D Menghulurkan bantuan kemanusiaan
19. Antara berikut, yang manakah **bukan** tujuan penubuhan ASEAN?
- A Kerjasama dalam bidang pendidikan
 - B Mengadakan kerjasama ekonomi serantau
 - C Membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan dunia Islam
 - D Menubuhkan kawasan aman, bebas dan berkecuali di Asia Tenggara.
20. Negara manakah yang menganggotai Pertubuhan Negara-Negara Komanwel?
- A Negara yang terletak di Asia Tenggara
 - B Negara yang pernah dijajah oleh British
 - C Negara yang mengamalkan dasar berkecuali
 - D Negera yang menjalankan dasar perdagangan bebas

BAHAGIAN B [30 markah]

Soalan 21 hingga Soalan 25

Arahan : Padankan pernyataan yang betul daripada pernyataan di Bahagian A dengan pernyataan di Bahagian B.

Bahagian A

21	Ilmu yang dipelajari...
22	Menjaga perlakuan, pertuturan, dan tindakan...
23	Penggunaan bahasa kasar...
24	Setiap kelemahan diri...
25	Individu yang cemerlang...

Bahagian B

... merupakan antara ciri-ciri perwatakan terpuji.
... akan dapat diketahui daripada orang lain.
... menjadi harapan ibu bapa, keluarga dan negara
... dapat dimanfaatkan untuk kemajuan diri dan negara
... akan menyinggung perasaan orang lain

[10 markah]

Soalan 26 hingga 35

Arahan : Tandakan (✓) pada pernyataan yang **benar** dan tandakan (X) pada pernyataan yang **salah**.

	Pernyataan	(✓) / (X)
26	Anak-anak yang terdidik dengan sempurna akan menjaga maruah diri, ibu bapa, bangsa dan agama	
27	Ibu bapa perlu mengikut segala kemahuan anak-anak walaupun bercanggah dengan agama	
28	Aktiviti kekeluargaan boleh mencetuskan konflik dalam kalangan ahli keluarga.	
29	Tarian Sumazau merupakan tarian yang ditarikan oleh suku kaum Kadazandusun di Sabah.	
30	Sape merupakan sejenis alat muzik bertali yang terkenal di negeri Sabah.	
31	Dalam permainan sepak raga moden, setiap regu mempunyai 5 orang pemain.	
32	Pilihan raya di Malaysia diadakan setiap lima tahun sekali.	
33	Kedudukan Dewan Negara berubah apabila Parlimen dibubarkan.	
34	Seseorang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) tidak boleh diisytiharkan muflis.	
35	Wawasan 2020 telah diilhamkan oleh Tun Hussien Onn.	

[10 markah]

Soalan 36

Arahan : Jawab semua soalan berdasarkan petikan yang diberikan.

Aida telah ditegur oleh gurunya kerana tidak serius dalam pelajaran. Dia beranggapan bahawa dia tidak perlu mengulang kaji pada waktu ini kerana peperiksaan PMR masih jauh lagi. Aida merajuk dan menganggap teguran itu amat memalukannya.

(a) Berikan pandangan anda terhadap perlakuan Aida.

[2 markah]

(b) Nyatakan EMPAT kepentingan pendidikan dalam kehidupan seseorang individu.

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____
- iv. _____

[4 markah]

(c) Huraikan kebaikan seorang guru menegur anak muridnya.

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____
- iv. _____

[4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT